

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN NAIKTARAF PEJABAT PANORAMA LANGKAWI DAN KEMUDAHAN BERKAITAN DI ORIENTAL VILLAGE, TELUK BURAU, MUKIM PADANG MAT SIRAT, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENDAFTARAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
PLSB/ENG/2019/01	G3 CE21 B01 B02 B04 B28	24/06/2019 HINGGA 04/07/2019	08/07/2019 10.30 pagi Fook Look, Oriental Village, Jalan Telaga Tujuh, 07000 Langkawi	22/07/2019 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendaftar untuk taklimat:-
 - i. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat;
 - ii. Sijil Pendaftaran Syarikat dengan **CIDB**.

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Panorama Langkawi semasa mendapatkan dokumen. Panorama Langkawi berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Panorama Langkawi tidak layak.

3. Pendaftaran untuk menghadiri taklimat boleh dilakukan pada **waktu pejabat (9.00 pg - 12.00 tgh; 2.00 ptg - 4.30ptg)** seperti alamat di bawah.
4. Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat dan mendapatkan dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan menghadiri taklimat dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
5. **Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.**
6. Panorama Langkawi tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. Panorama Langkawi berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:

**Ketua Pegawai Operasi
Panorama Langkawi Sdn Bhd,
Oriental Village, Jalan Telaga Tujuh,
07000 Langkawi.**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari

8. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.

PENDAFTARAN SYARIKAT

NAMA PROJEK : **CADANGAN NAIKTARAF PEJABAT PANORAMA LANGKAWI DAN KEMUDAHAN BERKAITAN DI ORIENTAL VILLAGE, TELUK BURAU, MUKIM PADANG MAT SIRAT, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN**

TARIKH LAWATAN TAPAK : **08/07/2019 (10.30 pagi)**

MAKLUMAT SYARIKAT

NAMA :

ALAMAT SYARIKAT :

NO TELEFON :

NAMA PENGURUS :

KELAS :

TAJUK/TAJUK KECIL :

TARIKH DIDAFTARKAN :

Borang yang telah diisi hendaklah di hantar melalui email ke procurement@panoramalangkawi.com atau terus ke Unit Perolehan, Jabatan Perkhidmatan Sokongan & Pentadbiran, Panorama Langkawi Sdn Bhd, Oriental Village, Jalan Telaga Tujuh, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.